



NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF TERENGGANU DARUL IMAN GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 68  
No. 16

**30hb Julai 2015**

*TAMBAHAN NO. 8  
PERUNDANGAN*

---

---

**Tr. P.U. 14.**

ENAKMEN PENTADBIRAN  
HAL EHWAL AGAMA ISLAM (TERENGGANU) 2001

PERATURAN-PERATURAN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM  
(PERLANTIKAN, PERATURAN AM DAN TATATERTIB PEGAWAI MASJID) 2015

---

SUSUNAN PERATURAN

---

BAHAGIAN I  
PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan Permulaan kuatkuasa
2. Pemakaian
3. Tafsiran

BAHAGIAN II  
PELANTIKAN JAWATANKUASA

4. Jawatankuasa Penilaian dan Pemilihan Pegawai Masjid
5. Jawatankuasa Tatatertib

BAHAGIAN III  
PELANTIKAN PEGAWAI MASJID

Peraturan

6. Bilangan Pegawai Masjid
7. Syarat-syarat pelantikan
8. Tempoh pelantikan
9. Tauliah Pegawai Masjid
10. Pelantikan semula
11. Kekosongan Pegawai Masjid
12. Imbuan bulanan dan kemudahan-kemudahan lain
13. Cuti rehat dan cuti haji

BAHAGIAN IV  
TATAKELAKUAN

14. Arahan dan larangan
15. Larangan membuat pernyataan umum
16. Larangan penglibatan dalam aktiviti politik
17. Tidak hadir bertugas

BAHAGIAN V  
TATACARA TATATERTIB

18. Syarat bagi penamatan perkhidmatan
19. Jawatankuasa Tatatertib menentukan jenis pelanggaran tatatertib
20. Prosedur dalam kes tatatertib dengan tujuan tidak menamatkan perkhidmatan
21. Prosedur dalam kes tatatertib dengan tujuan menamatkan perkhidmatan
22. Kuasa Jawatankuasa Tatatertib
23. Tindakan tatatertib tidak boleh diambil sehingga perbicaraan jenayah selesai
24. Tahan Kerja

BAHAGIAN IV  
HUKUMAN TATATERTIB

25. Kuasa penamatan
26. Akibat tindakan tatatertib
27. Jenis hukuman tatatertib
28. Pembatalan dan Kecualian

PERATURAN-PERATURAN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM  
( PELANTIKAN, PERATURAN AM DAN TATATERTIB  
PEGAWAI MASJID ) 2015

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 106 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1422H/2001M [*En.Tr. 2/2001*] dengan perkenan Duli yang Maha Mulia Tuanku Sultan, Majlis membuat peraturan-peraturan berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

**Nama dan permulaan kuatkuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Pelantikan, Peraturan Am Dan Tatatertib Pegawai Masjid) 2015**.

(2) Peraturan-peraturan ini mula berkuatkuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*.

**Pemakaian**

2. Peraturan-Peraturan ini dipakai bagi urusan pelantikan seseorang Pegawai Masjid dan hal-hal yang berkaitan dengan perkhidmatan di sepanjang tempoh perkhidmatannya. Tindakan tatatertib boleh dikenakan kepada mana-mana pegawai yang melanggar mana-mana peruntukan di bawah peraturan ini.

**Tafsiran**

3. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang berlainan—

“Enakmen” ertinya Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1422H/2001M;

“Jabatan” ertinya Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu;

“Jawatankuasa” ertinya Jawatankuasa Penilaian dan Pemilihan Pegawai Masjid Mukim yang dilantik di bawah Peraturan 4;

“Jawatankuasa Masjid” hendaklah mempunyai erti yang diberi kepadanya di bawah Enakmen;

“Jawatankuasa Tatatertib” ertinya sesebuah Jawatankuasa Tatatertib yang dilantik di bawah Peraturan 5 ;

“Ketua Jabatan” ertinya ketua bahagian termasuk Pegawai Agama Daerah;

“Majlis” ertinya Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu;

“Masjid” hendaklah mempunyai erti yang diberi kepadanya di bawah Enakmen;

“Pegawai Masjid” ertinya Imam yang dilantik di bawah subseksyen 84 (1) dan Bilal yang dilantik di bawah subseksyen 84 (2) Enakmen;

“Pesuruhjaya” hendaklah mempunyai erti yang diberi kepadanya di bawah Enakmen;

“Rekod Pegawai Masjid” ertinya suatu buku yang mendaftarkan perkara-perkara berkaitan dengan Pegawai Masjid bagi tiap-tiap masjid dalam negeri ini.

## BAHAGIAN II

### PELANTIKAN JAWATANKUASA

#### **Jawatankuasa Penilaian dan Pemilihan Pegawai Masjid**

4. (1) Majlis hendaklah melantik satu Jawatankuasa Penilaian dan Pemilihan Pegawai Masjid yang terdiri daripada—

- (a) Sahibus Samahah Mufti Negeri Terengganu sebagai Pengerusi;
- (b) Timbalan Pesuruhjaya (Hal Ehwal Islam);
- (c) Ketua Penolong Pengarah (Pengurusan Masjid); dan
- (d) Pegawai Agama Daerah yang berkenaan.

(2) Kuorum bagi sesuatu sesi temuduga hendaklah tidak kurang daripada 3 orang termasuk Pengerusi.

(3) Sahibus Samahah Mufti dalam masa ketidakhadirannya boleh mewakilkan kepada salah seorang mana-mana daripada ahli dan bertindak sebagai Pengerusi.

(4) Jawatankuasa ini bertanggungjawab bagi mengadakan temuduga, menilai dan memilih imam dan bilal bagi masjid mukim dan membuat perakuan kepada Pesuruhjaya bagi pengesyoran untuk pelantikan.

#### **Jawatankuasa Tatatertib**

5. (1) Majlis bolehlah melantik satu Jawatankuasa Tatatertib yang terdiri daripada—

- (a) Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Terengganu sebagai Pengerusi ;
- (b) Penasihat Undang-Undang Negeri Terengganu; dan
- (c) Ketua Penolong Pengarah (Pengurusan Masjid).

(2) Kuorum bagi sesuatu mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib hendaklah tidak kurang daripada 2 orang termasuk Pengerusi.

(3) Jawatankuasa ini bertanggungjawab dalam menentukan jenis kesalahan yang perlu diambil tindakan tata tertib terhadap Pegawai Masjid yang dikatakan atau disifatkan melanggar peraturan yang telah ditetapkan.

### BAHAGIAN III

#### PELANTIKAN PEGAWAI MASJID

##### **Bilangan Pegawai Masjid**

6. Bilangan Pegawai Masjid bagi sesebuah masjid hendaklah sepertimana yang dipersetujui oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu dari semasa ke semasa.

##### **Syarat-syarat pelantikan**

7. (1) Mana-mana orang yang hendak dilantik sebagai Pegawai Masjid hendaklah berumur tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak lebih daripada 65 tahun serta lulus ujian penilaian dan diperakukan oleh Jawatankuasa.

(2) Mana-mana Pegawai Masjid yang telah tamat tempoh atau ditamatkan perkhidmatan sebagai Pegawai Masjid bukan atas sebab-sebab tata tertib, boleh dilantik semula.

(3) Mana-mana Pegawai Masjid yang dilantik di bawah subperaturan (2), tidak layak menerima ganjaran jika dia telah menerima jumlah maksima yang diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa bagi pelantikan sebelumnya.

##### **Tempoh pelantikan**

8. Mana-mana Pegawai Masjid yang dilantik, bolehlah dibuat pelantikannya bagi tempoh tidak melebihi 5 tahun.

##### **Tauliah Pegawai Masjid**

9. Mana-mana Pegawai Masjid yang dilantik adalah layak diberikan tauliah oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan atau Majlis, yang mana berkenaan, tertakluk kepada tempoh pelantikan.

##### **Pelantikan semula**

10. (1) Mana-mana Pegawai Masjid yang telah tamat tempoh pelantikan boleh dilantik semula pelantikannya untuk tempoh masa tidak melebihi 3 tahun berikutnya tertakluk kepada pengesyoran oleh Ketua Jabatan.

(2) Mana-mana Pegawai Masjid yang dalam subperaturan (1) bolehlah memohon supaya pelantikannya disambung dan permohonan itu hendaklah dibuat semula tidak lewat daripada empat ( 4 ) bulan sebelum tarikh tamat pelantikan.

**Kekosongan Pegawai Masjid**

11. Jawatan mana-mana Pegawai Masjid, hendaklah menjadi kosong, apabila—
- (a) dia meninggal dunia;
  - (b) dia meletak jawatan;
  - (c) tamat tempoh pelantikan;
  - (d) telah mencapai usia 65 tahun kecuali mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan atau Majlis, mana yang berkenaan ;
  - (e) apabila pelantikannya dibatalkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan atau Majlis, mana yang berkenaan; atau
  - (f) jika diperakukan tidak siuman oleh Pegawai Perubatan Kerajaan.

**Imbuan bulanan dan kemudahan-kemudahan lain**

12. (1) Mana-mana Pegawai Masjid yang dilantik adalah layak diberikan imbuan bulanan dan kemudahan-kemudahan lain sepertimana yang diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu dari semasa ke semasa.

(2) Majlis bolehlah memberi sebarang imbuan tambahan atau kemudahan-kemudahan lain yang difikirkan wajar.

**Cuti rehat dan cuti haji**

13. (1) Mana-mana Pegawai Masjid boleh dipertimbangkan cuti rehat sebanyak 15 hari dalam setahun dan mana-mana cuti rehat yang tidak dapat dihabiskan dalam tahun semasa tidak boleh dibawa ke hadapan dan adalah dianggap telah dihabiskan.

(2) Mana-mana Pegawai Masjid boleh dipertimbangkan cuti haji sekali sahaja selama dalam perkhidmatan tidak melebihi 40 hari. Masa yang diambil lebih daripada 40 hari hendaklah dikira daripada cuti rehat atau cuti tanpa imbuan.

## BAHAGIAN IV

## TATAKELAKUAN

**Arahan dan larangan**

14. (1) Mana-mana Pegawai Masjid hendaklah sentiasa mengikut dan mematuhi apa-apa arahan Pesuruhjaya atau Ketua Jabatan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

- (2) Mana-mana Pegawai Masjid tidak boleh—
- (a) membelakangkan kewajipan awamnya kerana kepentingan persendirian atau meninggalkan kewajipan sebagaimana yang disebut dalam tauliah atau dalam senarai tugasnya yang telah ditetapkan oleh Ketua Jabatan;
  - (b) berkelakuan keji atau dengan apa-apa cara yang mungkin menyebabkan syak yang munasabah boleh menjejaskan imej jabatan dan Pegawai Masjid itu sendiri sama ada bersabit dengan jawatannya atau sebaliknya;

- (c) berkelakuan yang mungkin boleh menjatuhkan reputasi perkhidmatan atau menghilangkan kepercayaan terhadap perkhidmatannya;
- (d) kurang kecekapan dalam menjalankan tugas;
- (e) tidak jujur;
- (f) tidak bertanggungjawab;
- (g) membawa atau cuba membawa apa-apa bentuk pengaruh atau tekanan luar untuk menyokong kehendak atau kecenderungannya;
- (h) ingkar perintah atau berkelakuan dengan apa-apa cara yang boleh ditafsirkan dengan munasabah sebagai telah ingkar perintah;
- (i) tidak hadir bertugas di masjid dalam masa giliran yang telah ditetapkan atau hadir ke masjid tetapi tidak menjalankan tugas sebagaimana yang telah dinyatakan dalam tauliah atau senarai tugas yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan.

#### **Larangan membuat pernyataan umum**

15. Mana-mana Pegawai Masjid tidak boleh sama ada secara lisan atau secara bertulis atau dengan apa-apa cara lain—

- (a) membuat apa-apa pernyataan umum yang bertentangan dengan sesuatu dasar atau keputusan kerajaan;
- (b) membuat apa-apa pernyataan umum mengenai apa-apa perkara berhubung dengan kerja jabatan yang boleh dianggap dengan munasabah sebagai melanggar dasar atau keputusan Jabatan, Majlis atau kerajaan; atau
- (c) membuat apa-apa pernyataan umum yang boleh menyebabkan serba salah kepada Jabatan, Majlis atau kerajaan.

#### **Larangan penglibatan dalam aktiviti politik**

16. (1) Mana-mana Pegawai Masjid tidak boleh melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti parti politik atau bekerjasama mengadakan sesuatu aktiviti sesuatu parti politik di dalam dan di kawasan masjid.

(2) Mana-mana Pegawai Masjid hendaklah mengecualikan diri dalam hal politik dan tidak boleh—

- (a) membuat pernyataan umum kepada orang ramai sama ada secara lisan atau secara bertulis yang menyebelahi mana-mana parti politik mengenai sebarang perkara yang menjadi pertikaian di antara parti politik;
- (b) menerbitkan atau mengedarkan buku, artikel atau risalah yang mengandungi pandangannya jika pandangannya itu menyebelahi mana-mana parti politik;
- (c) mengambil bahagian dalam merayu undi bagi menyokong mana-mana calon bagi sesuatu pilihan bagi apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik; atau
- (d) bertindak sebagai agen pilihanraya atau agen tempat mengundi atau bertindak dalam apa-apa peranan untuk atau bagi pihak mana-mana calon dalam sesuatu pilihanraya Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri.

#### **Tidak hadir bertugas**

17. (1) Dalam Peraturan ini, “tidak hadir”, berhubung dengan seseorang Pegawai Masjid, termasuklah tidak hadir bagi apa-apa jua tempoh masa pada masa dan di tempat Pegawai Masjid itu dikehendaki hadir bagi pelaksanaan tugas-tugasnya.

(2) Ketidakhadiran untuk bertugas oleh seseorang Pegawai Masjid tanpa cuti atau tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah boleh menyebabkan Pegawai Masjid itu dikenakan tindakan tatatertib.

(3) Jika seseorang Pegawai Masjid tidak hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah, Jawatankuasa Masjid hendaklah, seberapa segera yang mungkin, melaporkan hakikat itu beserta dengan tarikh-tarikh dan hal keadaan ketidakhadiran itu dan apa-apa maklumat selanjutnya berkenaan dengan ketidakhadiran itu kepada Pegawai Agama Daerah berkenaan.

(4) Pegawai Agama Daerah hendaklah mengadakan penyiasatan dan mengeluarkan satu amaran bertulis kepada Pegawai Masjid berkenaan dan meminta memberikan jawapan (representasi) bertulis dalam masa empat belas hari.

(5) Jika mana-mana Pegawai Masjid itu masih tidak menjalankan tugas atau jawapan yang diberikan tidak memuaskan hati Pegawai Agama Daerah, maka satu laporan bertulis mengenai tindakan-tindakan yang telah diambil terhadap Pegawai Masjid tersebut bersama dengan pengesyoran hendaklah dibuat kepada Pesuruhjaya.



## BAHAGIAN V

## TATACARA TATATERTIB

**Syarat bagi penamatan perkhidmatan**

18. Tiada mana-mana Pegawai Masjid boleh ditamatkan perkhidmatan melainkan ianya telah diberitahu secara bertulis mengenai alasan-alasan atas mana-mana tindakan dicadangkan hendak diambil terhadapnya dan Pegawai Masjid itu telah diberi peluang yang munasabah untuk didengar.

**Jawatankuasa Tatatertib menentukan jenis pelanggaran tatatertib**

19. Jika seseorang Pegawai Masjid dikatakan telah melakukan suatu kesalahan tatatertib, Jawatankuasa Tatatertib sebelum memulakan apa-apa prosiding tatatertib berkenaan dengan Pegawai Masjid itu, menimbangkan dan menentukan sama ada kesalahan yang diadakan itu adalah daripada jenis yang patut dikenakan hukuman menamatkan perkhidmatan atau hukuman yang lebih ringan.

**Prosedur dalam kes tatatertib dengan tujuan tidak menamatkan perkhidmatan**

20. (1) Jika Jawatankuasa Tatatertib menentukan bahawa kesalahan tatatertib yang diadukan terhadap seorang Pegawai Masjid adalah daripada jenis yang patut dikenakan suatu hukuman yang lebih ringan daripada menamatkan perkhidmatan, Jawatankuasa Tatatertib, setelah berpuas hati bahawa wujud suatu kesalahan tatatertib, hendaklah memaklumkan kepada Pegawai Masjid itu melalui notis mengenai fakta kesalahan tatatertib yang dikatakan telah dilakukan olehnya dan hendaklah memberi Pegawai Masjid itu peluang untuk membuat representasi bertulis dalam tempoh empat belas hari dari tarikh dia dimaklumkan mengenai fakta itu.

(2) Jika Jawatankuasa Tatatertib yang berkenaan berpendapat bahawa representasi Pegawai Masjid itu menghendaki penjelasan lanjut, Jawatankuasa Tatatertib itu boleh menghendaki Pegawai Masjid itu supaya memberikan penjelasan lanjut dalam suatu tempoh sebagaimana yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Tatatertib itu.

(3) Jika, setelah menimbangkan representasi Pegawai Masjid itu dan, jika penjelasan lanjut Pegawai Masjid itu, Jawatankuasa Tatatertib yang berkenaan—

- (a) mendapati Pegawai Masjid itu bersalah atas kesalahan tatatertib yang dikatakan telah dilakukan olehnya, Jawatankuasa Tatatertib itu hendaklah mengenakan ke atas Pegawai Masjid itu mana-mana satu atau lebih hukuman selain ditamatkan perkhidmatan sebagaimana yang dinyatakan dalam subperaturan 27 (1) sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Jawatankuasa Tatatertib itu; atau

- (b) mendapati Pegawai Masjid itu tidak bersalah, Jawatankuasa Tatatertib itu hendaklah membebaskannya.

### **Prosedur dalam kes tatatertib dengan tujuan menamatkan perkhidmatan**

21. (1) Jika Jawatankuasa Tatatertib menentukan bahawa kesalahan tatatertib yang diadukan terhadap seorang Pegawai Masjid adalah daripada jenis yang patut dikenakan hukuman ditamatkan perkhidmatan, Jawatankuasa Tatatertib berkenaan yang kepadanya kes itu dirujuk hendaklah menimbang segala maklumat yang ada.

(2) Jika didapati oleh Jawatankuasa Tatatertib yang berkenaan bahawa wujud suatu kes *prima facie* terhadap Pegawai Masjid itu, Jawatankuasa Tatatertib yang berkenaan hendaklah—

- (a) mengarahkan supaya suatu pertuduhan yang mengandungi fakta kesalahan tatatertib yang dikatakan telah dilakukan oleh Pegawai Masjid itu dan alasan-alasan yang berdasarkannya Pegawai Masjid itu dicadangkan supaya ditamatkan perkhidmatan dihantar kepada Pegawai Masjid itu; dan
- (b) menghendaki Pegawai Masjid itu membuat, dalam tempoh empat belas hari dari tarikh dia dimaklumkan pertuduhan itu melalui notis, suatu representasi bertulis mengandungi alasan-alasan yang padanya dia bergantung untuk membebaskan dirinya.

(3) Jika, setelah menimbang representasi yang dibuat, Jawatankuasa Tatatertib berpendapat bahawa kesalahan tatatertib yang dilakukan oleh Pegawai Masjid itu tidak mewajarkan hukuman ditamatkan perkhidmatan, Jawatankuasa Tatatertib yang berkenaan boleh mengenakan apa-apa hukuman yang lebih ringan yang dinyatakan dalam subperaturan 27(1) sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Jawatankuasa Tatatertib itu.

(4) Jika Pegawai Masjid itu tidak membuat apa-apa representasi dalam tempoh yang dinyatakan dalam perenggan (2)(b), atau jika pegawai itu telah membuat representasi sedemikian tetapi representasi itu tidak dapat membersihkan dirinya sehingga memuaskan hati Jawatankuasa Tatatertib yang berkenaan, Jawatankuasa Tatatertib itu hendaklah terus menimbang dan membuat keputusan tentang menamatkan perkhidmatan Pegawai Masjid itu.

### **Kuasa Jawatankuasa Tatatertib**

22. (1) Jika, setelah menimbang laporan representasi Pegawai Masjid, jika ada, Jawatankuasa Tatatertib yang berkenaan—

- (a) mendapati Pegawai Masjid itu bersalah atas kesalahan tatatertib yang dikatakan telah dilakukan olehnya dan pegawai itu patut ditamatkan perkhidmatan, Jawatankuasa Tatatertib itu hendaklah mengenakan hukuman menamatkan perkhidmatan, sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Jawatankuasa Tatatertib itu;
- (b) mendapati pegawai itu bersalah atas kesalahan tatatertib yang dikatakan telah dilakukan olehnya tetapi, setelah mengambil kira dalam pertimbangan hal keadaan tatatertib itu telah dilakukan dan faktor peringanan lain, kesalahan itu tidak mewajarkan hukuman menamatkan perkhidmatan, tetapi mewajarkan pengenaan suatu hukuman yang lebih ringan, Jawatankuasa Tatatertib itu hendaklah mengenakan ke atas pegawai itu mana-mana satu atau lebih hukuman selain ditamatkan perkhidmatan sebagaimana yang dinyatakan dalam subperaturan 27(1) sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Jawatankuasa Tatatertib itu; atau
- (c) mendapati Pegawai Masjid itu tidak bersalah, Jawatankuasa Tatatertib itu hendaklah membebaskannya.

#### **Tindakan tatatertib tidak boleh diambil sehingga perbicaraan jenayah selesai**

23. Jika perbicaraan jenayah sedang dibawa terhadap mana-mana Pegawai Masjid tiada apa-apa langkah untuk menamatkan perkhidmatan atas apa-apa alasan yang dimasukkan dalam pertuduhan jenayah itu boleh diambil terhadapnya sementara menanti perbicaraan jenayah itu selesai, tetapi tiada apa-apa jua dalam peraturan ini boleh menghalang tindakan tatatertib diambil terhadapnya semasa perbicaraan tersebut belum selesai atas apa-apa alasan lain yang berbangkit dari kelakuannya semasa melaksanakan tugas-tugasnya.

#### **Tahan kerja**

24. (1) Walau apa pun kehendak Peraturan 23, Jawatankuasa Tatatertib mempunyai bidang kuasa untuk menahan seseorang Pegawai Masjid daripada menjalankan tugasnya jika—

- (a) sifat kesalahan yang dipertuduhkan itu ada kaitan secara langsung dengan tugasnya;
- (b) kehadirannya akan menghalang sesuatu penyiasatan;
- (c) dia boleh mendatangkan keadaan serba salah jika dibenarkan menjalankan tugas dan tanggungjawab seperti biasa;

(2) Mana-mana Pegawai Masjid yang ditahan daripada menjalankan tugas, kemudian bertugas semula atas budi bicara Jawatankuasa Tatatertib hendaklah dibenarkan menerima bahagian imbuhan yang tidak dibayar semasa dia ditahan kerja.

## BAHAGIAN VI

## HUKUMAN TATATERTIB

**Kuasa penamatan**

25. Jika mana-mana Pegawai Masjid setelah diputuskan oleh Jawatankuasa Tatatertib untuk ditamatkan perkhidmatannya, maka Duli Yang Maha Mulia Sultan atau Majlis, yang mana berkenaan, menamatkan perkhidmatan Pegawai Masjid tersebut.

**Akibat tindakan tatatertib**

26. Mana-mana Pegawai Masjid yang ditamatkan perkhidmatan atas sebab-sebab tatatertib menjadikannya tidak layak menerima ganjaran tamat perkhidmatan bagi tempoh perkhidmatannya.

**Jenis hukuman tatatertib**

27. (1) Jika seorang Pegawai Masjid didapati bersalah atas suatu kesalahan tatatertib, mana-mana satu atau apa-apa gabungan dua atau lebih hukuman yang berikut, bergantung kepada keseriusan kesalahan itu, boleh dikenakan ke atas Pegawai Masjid itu—

- (a) amaran;
- (b) menahan imbuhan;
- (c) tahan kerja/tugas;
- (d) melucut hak mendapatkan imbuhan; atau
- (e) ditamatkan perkhidmatan.

(2) Pesuruhjaya hendaklah mengarahkan supaya tiap-tiap hukuman yang dikenakan ke atas mana-mana Pegawai Masjid di bawah Peraturan ini dicatatkan dalam Rekod Pegawai Masjid dengan menyatakan butir-butir hukuman.

**Pembatalan dan kecualian**

28. (1) Apabila peraturan ini mula berkuat kuasa, Kaedah-Kaedah Hal Ehwal Pentadbiran Islam (Pelantikan, Peraturan Am Dan Tatatertib Pegawai Masjid) 1996 adalah dibatalkan.

(2) Semua perisytiharan, perintah, pemberitahuan, notis, borang, surat kebenaran dan pelantikan yang dikeluarkan atau dibuat di bawah Kaedah-Kaedah terdahulu berhubung dengan perkara-perkara yang diperuntukkan dalam Peraturan ini hendaklah terus berkuat kuasa, setakat yang tidak bertentangan dengan Peraturan ini, sehingga dibatalkan atau digantikan oleh perisytiharan, perintah, pemberitahuan, notis, borang, surat kebenaran dan pelantikan yang dikeluarkan atau dibuat di bawah Peraturan ini.

Bertarikh 18 Jun 2015

---

ADMINISTRATION OF ISLAMIC RELIGIOUS AFFAIRS  
(TERENGGANU) ENACTMENT 2001

ADMINISTRATION RULES OF ISLAMIC RELIGIOUS AFFAIRS  
(APPOINTMENT, GENERAL RULES AND DISCIPLINE FOR PEGAWAI MASJID) 2015

ARRANGMENT OF RULES

PART I  
PRELIMINARY

Rule

1. Short title and commencement
2. Application
3. Interpretation

PART II  
APPOINTMENT OF COMMITTEE

4. Committee of Assessment and Selection of Pegawai Masjid
5. Disciplinary Committee

PART III  
APPOINTMENT OF PEGAWAI MASJID

6. Number of Pegawai Masjid
7. Conditions of appointment
8. Period of appointment
9. Tauliah of Pegawai Masjid
10. Reappointment
11. Vacancy of Pegawai Masjid

Rule

12. Monthly remuneration and other benefits
13. Annual leave and hajj leave

PART IV  
CODE OF CONDUCT

14. Direction and prohibition
15. Prohibition from making public statements
16. Prohibition of involvement in political activities
17. Absence from duty

PART V  
DISCIPLINARY PROCEDURE

18. Condition for termination of service
19. Disciplinary Committee to determine of breach of discipline
20. Procedure in disciplinary cases not with a view to dismissal
21. Procedure in disciplinary cases with a view to dismissal
22. Power of the Disciplinary Committee
23. Disciplinary action shall not be taken until criminal proceedings are completed
24. Interdiction

PART VI  
DISCIPLINARY PUNISHMENT

25. Power of termination
26. Consequences of disciplinary action
27. Types of disciplinary action
28. Revocation and savings

ADMINISTRATIVE RULES OF ISLAMIC RELIGIOUS AFFAIRS  
(APPOINTMENT, GENERAL RULES AND DISCIPLINE  
FOR PEGAWAI MASJID) 2015

In exercise of the powers conferred by Section 106 of the Administration of Islamic Religious Affairs (Terengganu) Enactment 1422H / 2001M [ En.Tr. 2/2001], the Majlis with the approval of Duli yang Maha Mulia Tuanku Sultan makes the following rules:

PART I

PRELIMINARY

**Short title and commencement**

1. (1) These Rules may be cited as the **Administrative Rules of Islamic Religious Affairs (Appointment, General Rules and Discipline for Pegawai Masjid) 2015**.

(2) These Rules shall come into force on the date of its publication in the *Gazette*.

**Application**

2. These Rules apply for the appointment of a Pegawai Masjid and matters related to the service throughout his period of service tenure. Disciplinary action may be taken against any officer who contravenes any provision under this rule.

**Interpretation**

3. In these Rules, unless the context otherwise requires—

“Enactment” means the Administration of Islamic Religious Affairs (Terengganu) 1422H / 2001M;

“Department” means the Department of Religious Affairs of Terengganu;

“Committee” means the Committee of Assessment and Selection of Pegawai Masjid Mukim appointed under Rule 4;

“Masjid Committee” shall have the meaning assigned under the Enactment;

“Disciplinary Committee” means the Disciplinary Committee appointed under Rule 5;

“Head of Department” means the heads of divisions and includes the District Religious Officer;

“Majlis” means the Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu;

“Masjid” shall have the meaning assigned under the Enactment;

“Pegawai Masjid” means Imam appointed under subsection 84(1) and Bilal appointed under subsection 84(2) Enactment;

“Commissioner” shall have the meaning assigned under the Enactment;

“Pegawai Masjid Record” means a book which register matters related to the Pegawai Masjid for every mosque in this state.

## PART II

### APPOINTMENT OF COMMITTEE

#### **Committee of Assessment and Selection of Pegawai Masjid**

4. (1) The Majlis shall appoint a Committee of Assessment and Selection of Pegawai Masjid consisting of—

- (a) Sahibus Samahah Terengganu State Mufti as the Chairman;
- (b) Deputy Commissioner (Islamic Religious Affair);
- (c) Principal Assistant Director Mosque (Management Board); and
- (d) the related District Religious Officer.

(2) The quorum for an interview session should not be less than three members including the Chairman.

(3) The Sahibus Samahah Mufti, in his absence, may delegate to any one of the members and act as the Chairman.

(4) This Committee is responsible for conducting interviews, assessing and selecting the Imam and Bilal for Masjid Mukim and to certify to the Commissioner for recommendation of appointment.

#### **Disciplinary Committee**

5. (1) The Majlis may appoint a Disciplinary Committee which consist of—

- (a) The Commissioner of Terengganu Religious Affair as the Chairman;
- (b) Terengganu State Legal Advisor; and
- (c) Chief Assistant Director Mosque (Management of Mosque).



(2) The quorum for the meeting of Disciplinary Committee shall not be less than two persons, including the Chairman.

(3) This Committee is responsible for determining the types of offences which disciplinary action shall be taken against any Pegawai Masjid who has been alleged or deemed to contravene the rules.

### PART III

#### APPOINTMENT OF PEGAWAI MASJID

##### **Number of Pegawai Masjid**

6. The number of Pegawai Masjid for a mosque shall be as agreed upon by the Terengganu State Executive Council from time to time.

##### **Conditions of appointment**

7. (1) Any person to be appointed as Pegawai Masjid shall be not less than 18 years of age and not more than 65 years of age and shall pass the assessment test and certified by the Committee.

(2) Any Pegawai Masjid whose term has expired or had his services as Pegawai Masjid terminated not on disciplinary grounds, may be reappointed.

(3) Any Pegawai Masjid appointed under subrule (2), are not eligible for remuneration if he has received the maximum amount approved by the State Executive Council from his previous appointment.

##### **Period of appointment**

8. Any Pegawai Masjid may be appointed for a period not exceeding 5 years.

##### **Tauliah of Pegawai Masjid**

9. Any Pegawai Masjid appointed is eligible for tauliah by Duli Yang Maha Mulia Sultan or the Majlis, where applicable, subject to the period of appointment.

##### **Reappointment**

10. (1) Any Pegawai Masjid whose term has expired maybe reappointed for a period not exceeding 3 years subject to a recommendation by the Head of Department.

(2) Any Pegawai Masjid under subrule (1) may apply for reappointment and the application shall be made not later than four (4) months before the expiry date of his appointment.

**Vacancy of Pegawai Masjid**

11. The position of any Pegawai Masjid shall be vacated whenever—
- (a) upon his death;
  - (b) upon his resignation;
  - (c) on the expiration of his term of appointment;
  - (d) when he has attained the age of 65 years old unless granted the consent of Duli Yang Maha Mulia Sultan or the Majlis, whichever is applicable;
  - (e) if his appointment is revoked by the Duli Yang Maha Mulia Sultan or the Majlis, whichever is applicable; or
  - (f) if certified as mentally unsound by a Government Medical Officer.

**Monthly remuneration and other benefits**

12. (1) Any Pegawai Masjid appointed is eligible for a monthly remuneration and other benefits as approved by the State Executive Council from time to time.
- (2) The Majlis may grant any additional remuneration or other benefits as deemed appropriate.

**Annual leave and hajj leave**

13. (1) Any Pegawai Masjid maybe given annual leave of 15 days a year and accrued annual leave may not be carried forward to the following year and shall be deemed to have been taken.
- (2) Every Pegawai Masjid is maybe given hajj leave once throughout his service not exceeding 40 days. If it exceeds 40 days, it shall be counted as annual leave or leave without pay.

## PART IV

## CODE OF CONDUCT

**Direction and prohibition**

14. (1) Any Pegawai Masjid must always follow and comply with any directions by the Commissioner or Head of Department as issued from time to time.
- (2) Any Pegawai Masjid shall not—

- 
- (a) neglects his public duties for a private interest or leaves his obligation as mentioned in the tauliah or his list of duties as determined by the head of department;
  - (b) conduct himself in a disreputable manner or in any manner likely to cause reasonable suspicion which can affect the image of the department and the Pegawai Masjid whether it relates to his position or otherwise;
  - (c) conduct himself in a manner that may adversely affect the reputation of the service or create mistrust towards the service;
  - (d) lack efficiency in performing his duties;
  - (e) dishonest;
  - (f) irresponsible;
  - (g) bring or attempt to bring any form of outside influence or pressure to support or advance any interest or claim;
  - (h) be in subordinate or conduct himself in any manner which can be reasonably construed as being insubordinate;
  - (i) absence from duty at the mosque on specified times or attending the mosque but fail to perform his duties as mentioned in the tauliah or the list of duties as determined by the Head of Department.

**Prohibition from making public statements**

15. Any Pegawai Masjid shall not either, orally or in writing or in any other manner—

- (a) make any public statement that bring dispute to any policy or decision of the government;
- (b) make any public statement on any matter related with work that can reasonably be regarded as a violation of any policy or decision of the Department, the Majlis or the government; or
- (c) make any public statement that creates embarrassment to the Department, the Majlis or the government.

**Prohibition of involvement in political activities**

16. (1) Any Pegawai Masjid is refrained from any political activities or collaborates in any political activities in and within the compound of the mosque.

(2) Any Pegawai Masjid shall abstain himself from political matters and shall not—

- (a) make any public statement whether orally or in writing, adopt a partisan view on any matter which is an issue between political parties;
- (b) publish or circulate books, articles or leaflets setting forth his partisan views on any matter pertaining to any political party;
- (c) engage in canvassing for support of any candidate at any election to any office in any political party; or
- (d) act as election agent or a polling agent or in any capacity for or on behalf of a candidate at an election to the Dewan Rakyat or to the State Legislative Assembly.

**Absence from duty**

17. (1) In this Rule, “absence”, in relation to a Pegawai Masjid, includes a failure to be present for any length of time and place where the Pegawai Masjid is required to be present for the performance of his duties.

(2) Absence from duty by a Pegawai Masjid without leave or without prior permission or without reasonable cause shall render him liable to disciplinary action.

(3) Where a Pegawai Masjid is absent from duty without leave or without prior permission or without reasonable cause, the masjid committee shall, as soon as possible, report the fact together with the dates and circumstances of such absence, and any further information in respect of such absence to the appropriate District Religious Officer.

(4) The District Religious Officer shall conduct an investigation and issue a written warning letter to the Pegawai Masjid concerned seeking a reply (a representation) in writing within fourteen days.

(5) Where any Pegawai Masjid fails to resume performance of his duty or fails to provide satisfactory explanation to the District Religious Officer, then a written report containing any actions taken against that particular Pegawai Masjid, along with recommendations, shall be forwarded to the Commissioner.

## PART V

## DISCIPLINARY PROCEDURE

**Condition for termination of service**

18. No Pegawai Masjid services shall be terminated unless he has been duly informed in writing of the grounds on which such actions are proposed and to be taken against him he has been afforded a reasonable opportunity of being heard.

**Disciplinary Committee to determine nature of breach of discipline**

19. Where a Pegawai Masjid is alleged to have committed a disciplinary offence, the Disciplinary Committee, before commencing any disciplinary proceedings in respect of the Pegawai Masjid, consider and determine whether the disciplinary offence complained of is of a nature which warrants a punishment of dismissal or a lesser punishment.

**Procedure in disciplinary cases not with a view to dismissal**

20. (1) If the Disciplinary Committee determines that the disciplinary offence complained of against a Pegawai Masjid is of a nature that warrants a punishment lesser than dismissal, the Disciplinary Committee, on being satisfied that there exists a disciplinary offence, shall inform the Pegawai Masjid by notice of the facts of the disciplinary offence alleged to have been committed by him and shall give to the Pegawai Masjid an opportunity to make a written representation within a period of fourteen days from the date he is informed of the facts.

(2) If the appropriate Disciplinary Committee is of the opinion that the Pegawai Masjid's representation requires further clarification, the Disciplinary Committee may require the Pegawai Masjid to furnish further clarification within such period as the Disciplinary Committee may specify.

(3) If, after considering the Pegawai Masjid's representation and his further clarification, the appropriate Disciplinary Committee—

- (a) finds the Pegawai Masjid guilty of a disciplinary offence alleged to have been committed by him, the Disciplinary Committee shall impose upon the Pegawai Masjid any one or more of the punishments other than dismissal as specified in sub rule 27 (1) as it deems appropriate; or
- (b) finds the Pegawai Masjid not guilty, then the Disciplinary Committee shall acquit him.

**Procedure in disciplinary cases with a view to dismissal**

21. (1) If the Disciplinary Committee determines that the disciplinary offence complained of against a Pegawai Masjid is of a nature that warrants a punishment of dismissal, the appropriate Disciplinary Committee to which the case is referred to shall consider all the available information.

(2) If it appears to the appropriate Disciplinary Committee that there exists a prima facie case against the Pegawai Masjid, the appropriate Disciplinary Committee shall—

- (a) direct that a charge containing the facts of the disciplinary offence alleged to have been committed by the Pegawai Masjid and the grounds on which it is proposed to dismiss the Pegawai Masjid be sent to the Pegawai Masjid; and
- (b) require the Pegawai Masjid to make, within fourteen days from the date he is informed by notice, a written representation containing the grounds upon which he relies to exculpate himself.

(3) If, after considering the representation made, the Disciplinary Committee is of the opinion that the disciplinary offence committed by the Pegawai Masjid does not warrant a punishment of dismissal, the appropriate Disciplinary Committee may impose upon the Pegawai Masjid any of the lesser punishments specified in subrule 27 ( 1) as it deems appropriate.

(4) If the Pegawai Masjid does not make any representation within the period specified in paragraph (2)(b), or if the Pegawai Masjid makes a representation but such representation does not exculpate himself to the satisfaction of the Disciplinary Committee, the Disciplinary Committee shall then proceed to consider and decide on the dismissal of the Pegawai Masjid.

**Power of the Disciplinary Committee**

22. (1) If, after considering the Pegawai Masjid's representation, if any, the appropriate Disciplinary Committee—

- (a) finds the Pegawai Masjid guilty of the disciplinary offence alleged to have been committed by him and that the Pegawai Masjid should be dismissed, the Disciplinary Committee shall impose the punishment of dismissal, as it deems appropriate;

- 
- (b) finds the Pegawai Masjid guilty of a disciplinary offence alleged to have been committed by him but, after taking into consideration the circumstances in which the disciplinary offence was committed and any other mitigating factors, such offence does not warrant a punishment of dismissal but warrants the imposition of a lesser punishment, the Disciplinary Committee shall impose upon the Pegawai Masjid any one or more of the punishments other than dismissal as specified in subrule 27(1) as it deems appropriate; or
- (c) finds the Pegawai Masjid not guilty, the Disciplinary Committee shall acquit him.

**Disciplinary action shall not be taken until criminal proceedings are completed**

23. Where a criminal proceeding have been instituted against any Pegawai Masjid and is still pending, no disciplinary action shall be taken to dismiss him based on the same ground as the criminal charge in the criminal proceedings, however nothing in this shall be construed so as to prevent disciplinary action from being taken against the Pegawai Masjid during the such criminal proceedings on any other ground arising out of his conduct in the performance of his duties.

**Interdiction**

24. (1) Notwithstanding the requirements of Rule 23, the Disciplinary Committee having the jurisdiction to interdict the Pegawai Masjid from exercising his duties if—

- (a) the allegation is directly related to his duties;
- (b) his presence would prevent an investigation;
- (c) he may cause embarrassment if he is allowed to exercise his duties and responsibilities as usual.

(2) Any Pegawai Masjid who is interdicted, but resumes his duties upon the discretion of the Disciplinary Committee shall be entitled to receive any part of his emoluments which has not been paid to him while he was interdicted.

## PART VI

## DISCIPLINARY PUNISHMENTS

**Power of termination**

25. If the Disciplinary Committee finds that the service of a Pegawai Masjid is to be terminated, the Duli Yang Maha Mulia Sultan or the Majlis, whichever is applicable, may terminate the service of the Pegawai Masjid.

**Consequences of disciplinary action**

26. Any Pegawai Masjid whose service has been terminated on disciplinary grounds shall not be entitled to receive any gratuity for his years of service.

**Types of disciplinary action**

27. (1) If a Pegawai Masjid is found guilty of a disciplinary offence, any one or any combination of two or more of the following punishments, depending upon the seriousness of the offence, may be imposed upon the Pegawai Masjid—

- (a) warning;
- (b) withhold emolument;
- (c) indicted from exercising his duty/task;
- (d) forfeiture of rights to receive emolument; or
- (e) terminated from the service.

(2) The Commissioner shall direct that every punishment committed by the Pegawai Masjid under this Rule is recorded in the Pegawai Masjid's Record by stating the particulars of the punishment imposed.

**Revocation and savings**

28. (1) Upon the coming into force of these Rules, Administration of Islamic Religious Affairs (Appointment, General Rules and Discipline of Pegawai Masjid) Rules 1996 is hereby revoked.

(2) All proclamations, orders, notifications, notice, forms, authorisation letters and appointments issued or made under the previous Rules in relation to matters provided for in these Rules shall remain in force, in so far as they are not inconsistent with these Rules, until revoked or replaced by proclamations, orders, notifications, notices, forms, authorization letters and appointment issued or made under these Rules.

Date 18 June 2015



**Tr. P.U. 15.****ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM  
(TERENGGANU) 2001****KAEDAH-KAEDAH PEGUAM SYARIE (TERENGGANU) 2015**

---

**SUSUNAN KAEDAH**

---

**BAHAGIAN I****PERMULAAN****Kaedah**

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

**BAHAGIAN II****PENUBUHAN JAWATANKUASA PEGUAM SYARIE**

3. Penubuhan Jawatankuasa
4. Keahlian Jawatankuasa
5. Setiausaha
6. Penamatan pelantikan
7. Pembatalan pelantikan
8. Pelantikan ahli baru
9. Fungsi Jawatankuasa
10. Mesyuarat Jawatankuasa
11. Kehadiran bukan ahli
12. Minit mesyuarat Jawatankuasa
13. Penzahiran kepentingan
14. Kesahan perbuatan dan prosiding
15. Elaun ahli Jawatankuasa

BAHAGIAN III  
PEGUAM SYARIE

Kaedah

16. Kelayakan sebagai Peguam Syarie
17. Permohonan
18. Sijil Peguam Syarie
19. Sijil Amalan Guaman Syarie
20. Membaharui Sijil Amalan Guaman Syarie
21. Daftar Peguam Syarie

BAHAGIAN IV  
PROSEDUR TATATERTIB

22. Tindakan tatatertib
23. Aduan terhadap Peguam Syarie
24. Siasatan
25. Kuasa Majlis mengeluarkan perintah
26. Permohonan untuk dikeluarkan nama dari Daftar Peguam Syarie
27. Permohonan untuk diterima semula sebagai Peguam Syarie

BAHAGIAN V  
PERUNTUKAN AM

28. Mengemukakan Sijil Amalan Guaman Syarie
29. Kesalahan
30. Pendakwaan
31. Tatacara
32. Pembatalan dan kecualian

JADUAL

JADUAL 1

JADUAL 2

JADUAL 3

JADUAL 4

ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM  
(TERENGGANU) 2001

KAEDAH-KAEDAH PEGUAM SYARIE (TERENGGANU) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 57(2)(a) dan (b) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001 [*Enakmen Bil. 2 tahun 2001*], Majlis dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan, membuat Kaedah-kaedah seperti yang berikut:

BAHAGIAN I  
PERMULAAN

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Terengganu) 2015**
- (2) Kaedah-Kaedah ini hendaklah berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

**Tafsiran**

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Daftar Peguam Syarie” ertinya Daftar Peguam Syarie yang disebutkan di dalam kaedah 21;

“Jawatankuasa” ertinya Jawatankuasa Khas Panel Peguam Syarie yang ditubuhkan di bawah kaedah 3;

“Majlis” ertinya Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu yang ditubuhkan di bawah subseksyen 4(1) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001;

“Peguam Syarie” ertinya seseorang yang telah diterima masuk sebagai Peguam Syarie oleh Majlis dan didaftarkan di bawah Kaedah-Kaedah ini atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain sebelum Kaedah-Kaedah ini berkuat kuasa.

BAHAGIAN II  
PENUBUHAN JAWATANKUASA PEGUAM SYARIE

**Penubuhan Jawatankuasa**

3. Majlis hendaklah menubuhkan suatu Jawatankuasa yang dipanggil “Jawatankuasa Khas Panel Peguam Syarie”.

**Keahlian Jawatankuasa**

4. (1) Jawatankuasa hendaklah terdiri dari —
- (a) Yang DiPertua Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu, sebagai Pengerusi;
  - (b) Penasihat Undang-Undang Negeri atau wakilnya;
  - (c) Mufti Negeri Terengganu;
  - (d) Ketua Hakim Syarie;
  - (e) Ketua Pendakwa Syarie;
  - (f) Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah; dan
  - (g) Seorang Setiausaha
- (2) Ahli Jawatankuasa yang disebutkan di dalam subkaedah (1) ini hendaklah beragama Islam.
- (3) Jika pada bila-bila masa orang yang memegang jawatan yang disebut dalam subperenggan (1)(b) bukan orang Islam, Majlis hendaklah melantik seorang pegawai lain yang beragama Islam yang paling kanan selepasnya dari Jabatan atau Bahagian yang sama dengan orang itu untuk menjadi anggota bagi menggantikan orang itu.

**Setiausaha**

5. (1) Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama hendaklah menjadi Setiausaha Jawatankuasa.
- (2) Setiausaha hendaklah menjalankan dasar-dasar, arahan-arahan dan keputusan-keputusan yang diputuskan oleh Jawatankuasa.
- (3) Setiausaha hendaklah menghadiri semua mesyuarat Jawatankuasa dan boleh mengambil bahagian dalam pertimbangan tetapi tidak berhak mengundi.

**Penamatan pelantikan**

6. Pelantikan mana-mana ahli hendaklah tamat jika—
- (a) dia meninggal dunia;
  - (b) dengan suatu notis bertulis kepada Majlis, dia meletak jawatannya;
  - (c) luput tempoh pelantikannya; atau
  - (d) dia tidak berada di Malaysia, tanpa kebenaran bertulis daripada Pengerusi, selama tempoh melebihi tiga (3) bulan.

### **Pembatalan pelantikan**

7. Majlis boleh membatalkan pelantikan mana-mana ahli Jawatankuasa yang dilantik di bawah subkaedah 4(1) jika—

- (a) dia telah disabitkan atas apa-apa kesalahan jenayah syariah atau sivil, atau apa-apa kesalahan lain yang pada pendapat Majlis menyebabkan dia tidak layak untuk menjalankan tanggungjawabnya sebagai seorang ahli Jawatankuasa;
- (b) kelakuannya, sama ada yang berkaitan dengan tanggungjawabnya sebagai ahli Jawatankuasa atau selainnya, yang boleh memburukkan nama Majlis atau Jawatankuasa;
- (c) dia diisytiharkan bankrap;
- (d) dia telah menjadi tidak berupaya menjalankan tugas-tugasnya sebagai ahli Jawatankuasa;
- (e) dia tidak menghadiri mesyuarat tiga kali berturut-turut tanpa alasan yang munasabah; atau
- (f) atas apa-apa alasan yang pada pertimbangan Majlis menyebabkan dia tidak sesuai atau layak lagi menjadi ahli Jawatankuasa.

### **Pelantikan ahli baru**

8. (1) Majlis boleh melantik ahli baru untuk mengisi kekosongan mana-mana ahli Jawatankuasa yang terhenti pelantikannya di bawah kaedah 6 atau 7.

(2) Seseorang yang dilantik di bawah subkaedah (1) hendaklah dilantik hanya selama baki tempoh ahli Jawatankuasa yang telah terhenti pelantikannya.

### **Fungsi Jawatankuasa**

9. Jawatankuasa hendaklah mempunyai fungsi seperti berikut:-

- (a) untuk membuat perakuan kepada Majlis mengenai kelayakan mana-mana orang yang memohon untuk dilantik sebagai Peguam Syarie oleh Majlis;
- (b) untuk membuat pengesyoran kepada Majlis sama ada —
  - (i) untuk membatalkan nama mana-mana Peguam Syarie itu daripada Daftar Peguam Syarie; atau
  - (ii) untuk membatalkan atau menggantung Sijil Amalan Guaman Syarie seseorang Peguam Syarie; atau
  - (iii) untuk memberi amaran kepada seseorang peguam Syarie;
- (c) untuk menjalankan fungsi lain yang berkaitan dengan fungsi yang disebutkan di dalam perenggan (a) dan (b).

**Mesyuarat Jawatankuasa**

10. (1) Semua mesyuarat Jawatankuasa hendaklah dipanggil oleh Pengerusi.
- (2) Pengerusi hendaklah mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa.
- (3) Jika Pengerusi tidak dapat hadir, ahli-ahli yang hadir boleh memilih seorang dari kalangan mereka untuk mempengerusikan mesyuarat.
- (4) Pengerusi dan tiga ahli Jawatankuasa yang lain hendaklah membentuk kuorum bagi mana-mana mesyuarat Jawatankuasa.
- (5) Keputusan mesyuarat Jawatankuasa hendaklah dibuat secara persetujuan atau melalui ketetapan majoriti ahli yang hadir dan berhak mengundi; sekiranya berlaku persamaan undi, Pengerusi mesyuarat hendaklah mempunyai undi pemutus.
- (6) Tertakluk kepada Kaedah-Kaedah ini dan apa-apa arahan Majlis, Jawatankuasa boleh menetapkan prosedurnya sendiri.

**Kehadiran bukan ahli**

11. Pengerusi boleh menjemput mana-mana orang yang bukan ahli Jawatankuasa untuk hadir dalam mana-mana mesyuarat Jawatankuasa, jika urusan di hadapan mesyuarat itu menyebabkan kehadiran orang itu dikehendaki.

**Minit mesyuarat Jawatankuasa**

12. (1) Setiausaha hendaklah menyimpan segala minit mesyuarat Jawatankuasa dan pada tiap-tiap kali mesyuarat diadakan, minit mesyuarat yang lalu hendaklah dibaca dan disahkan (tertakluk kepada pindaan, jika ada).
- (2) Semua minit hendaklah disahkan dan ditandatangani oleh Pengerusi mesyuarat.
- (3) Minit mesyuarat Jawatankuasa yang ditandatangani dengan sewajarnya oleh Pengerusi mesyuarat hendaklah diterima sebagai keterangan tanpa bukti selanjutnya dan (tertakluk kepada semua pengecualian yang patut), hendaklah mengenai perkara-perkara yang dinyatakan di dalamnya.

**Penzahiran kepentingan**

13. (1) Setiap ahli Jawatankuasa yang secara langsung atau tidak langsung mempunyai kepentingan dalam sesuatu perkara yang akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa hendaklah, seberapa cepat yang dapat selepas fakta yang berkaitan sampai kepada pengetahuannya, menzahirkan dalam mesyuarat jenis kepentingannya itu.
- (2) Penzahiran di bawah subkaedah (1) hendaklah direkodkan dalam minit, dan selepas penzahiran itu, ahli itu tidak boleh hadir atau mengambil bahagian dalam perbincangan atau keputusan Jawatankuasa mengenai perkara itu.

### Kesahan perbuatan dan prosiding

14. Tiada perbuatan yang dilakukan atau prosiding yang diambil di bawah Kaedah-Kaedah ini boleh dipersoalkan atas alasan bahawa—

- (a) ada apa-apa kekosongan dalam keahlian, atau ada apa-apa kecacatan dalam penubuhan Jawatankuasa;
- (b) ada pelanggaran peruntukkan Kaedah 13 oleh mana-mana ahli Jawatankuasa; atau
